

Nilai Islam dalam Budaya Masyarakat Majmuk Melalui Siri Animasi Upin dan Ipin

Islamic Cultural Values in Plural Society Through Upin And Ipin Animation Series

Siti Aisyah Yap Abdullah

Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
aisyah.yap@gmail.com

Norrodzoh@Nor Raudah Hj Siren

Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
raudah68@um.edu.my

Nurul Husna Mansor

Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
nurulhusna@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no2.2>

Abstract

Islamic values in culture show the height and thinking of the community in carrying out the journey of life in a diverse group of races and religions. Based on the Qur'an and Sunnah as the main reference, it has explained some Islamic values that need to be followed, namely basic values (creed), core values (Shariah) and main values (morality) and delivery that is appropriate to the state of society as an additional value or development in cultural value education. Therefore, this article aims to analyse the values of Islam in the culture found in those values. While the methodology for this qualitative study is to use library research and data content analysis from animated films watched. The results of the study found that the animated series Upin and Ipin have all four of those values in the culture of a pluralistic society without having to separate Islamic beliefs in life together with non-Muslim societies. The content of the animated film also shows the harmonious reality of life and mutual respect among races and religions as indicated in the documentation of the Malaysian constitution.

Keywords: Islamic values, Culture, Plural Society, Animated Series, Upin and Ipin

Abstrak

Nilai Islam dalam budaya memperlihatkan ketinggian dan pemikiran masyarakat dalam melaksanakan perjalanan hidup dalam kelompok kepelbagaian bangsa dan agama. Dengan berpandukan kepada al-Quran dan sunnah sebagai rujukan utama telah menjelaskan beberapa nilai Islam yang perlu dipatuhi iaitu nilai asas (akidah), nilai teras (syariah) dan nilai utama (akhlik) dan penyampaian yang sesuai dengan keadaan masyarakat sebagai nilai tambahan atau kembangan dalam pendidikan nilai budaya. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis nilai Islam dalam budaya yang terdapat di dalam nilai-nilai tersebut. Manakala metodologi bagi kajian kualitatif ini adalah dengan menggunakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan data dari filem animasi yang ditonton. Hasil kajian mendapati bahawa siri animasi Upin dan Ipin mempunyai keempat-empat nilai tersebut dalam budaya masyarakat majmuk tanpa perlu memisahkan pegangan Islam dalam kehidupan bersama dengan masyarakat bukan Islam. Malahan di dalam kandungan filem animasi tersebut juga

memaparkan kehidupan realiti yang harmonis dan saling menghormati antara kaum dan agama sebagaimana yang digariskan dalam dokumentasi perlembagaan Malaysia.

Kata kunci: Nilai Islam, Budaya, Masyarakat Majmuk, Siri Animasi, Upin dan Ipin

Pendahuluan

Nilai ditakrifkan dalam Kamus Dewan edisi keempat sebagai suatu sifat ketinggian seperti pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain.¹ Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan² merumuskan nilai sebagai sifat yang berhubungan dengan subjek dan memberi erti kepada manusia untuk meyakininya supaya apabila diamalkan, ia akan memberikan manfaat dalam membentuk tingkah laku. Nilai dicirikan sebagai suatu pemikiran yang kritis oleh manusia untuk memilih perkara yang baik atau buruk dalam kehidupan sebagai panduan. Menurut Mohd Nashuha Jamidin et al.,³ kebiasaan nilai agama dijadikan sebagai panduan bagi yang beragama dan sebaliknya menggunakan nilai moral dengan memfokuskan beberapa persoalan mengenai nilai yang antaranya seperti apa yang baik, salah, buruk, hina, halal, haram dan sebagainya.

Pembentukan nilai di dalam ajaran Islam adalah berpandukan kepada wahyu dan tidak hanya berdasarkan kepada pandangan akal manusia semata-mata kerana konsep nilai dalam Islam adalah bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang mengandungi perintah atau suruhan dan larangan yang dikenali sebagai *amar makruf nahi al mungkar* atau disebut sebagai melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Penilaiannya sama ada dalam bentuk niat, lisan atau perbuatan sah atau tidak sah dikelaskan kepada lima bahagian seperti mana yang dinyatakan oleh para ilmuan Islam seperti Aimini Amir Abdullah,⁴ Mohd Yusuf Ahmad,⁵ Abu al-Baqir ad-Dusuki⁶ dan Azis Jakfar Soraji et al.⁷ dalam kitab pengajian Islam. Dalam hal ini, kategori nilai makruf atau nilai yang baik adalah seperti wajib atau fardu, sunat dan harus atau *mubah*. Manakala, nilai yang kurang baik tetapi masih diterima di sisi ajaran Islam adalah makruh dan nilai mungkar atau dikenali sebagai nilai buruk lagi terlarang ialah haram.

Nilai Islam dalam Budaya Masyarakat Majmuk

Konsep nilai dalam budaya Islam merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber dan panduan. Ia tidak berpihak kepada mana-mana masyarakat secara khusus kerana pembinaan nilai budaya masyarakat adalah berdasarkan kepada keadaan sekelilingnya yang dikenali sebagai pandangan alam semesta. Perkataan ‘pandangan semesta’ atau dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai *worldview* juga boleh disamakan dengan pandangan alam dalam bahasa Melayu atau *tasawwur* dalam bahasa Arab. Ia adalah gambaran konsep atau pandangan terhadap sesuatu perkara dari sudut yang tertentu mengikut renungan dan tilikan akal.⁸ Pembinaan kepada pandangan ini adalah hasil dari sebab dan kesan (*cause and effect*) yang

¹ Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), entri “nilai.”

² Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* (Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011), 8.

³ Mohd Nashuha Jamidin et al., *Kemahiran Berfikir dan Belajar* (Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1995), 28.

⁴ Aimini Amir Abdullah, *Tamadun Islam* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 1997), 34.

⁵ Mohd Yusuf Ahmad, *Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya, 2003), 59 - 60.

⁶ Abu al-Baqir ad-Dusuki, *Panduan Fardhu Ain Lengkap* (Kelantan: Al-Baqir Enterprise, 2009), 3-5.


⁷ Azis Jakfar Soraji et al., *Amalan Islam di Malaysia* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2017), 34 - 35.

⁸ Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norliana Muhamad & Farahwahida Mohd Yusof, *Tamadun Islam & Tamadun Asia*, Cetakan Keenam (Universiti Teknologi Malaysia, Johor: Penerbit UTM Press, 2011), 75.

akhirnya menjadi identiti kehidupan sesebuah masyarakat.⁹ Menurut Clement Videl, konsep kepada pandangan semesta (*worldview*) berkait rapat dengan ilmu falsafah (*philosophy*) kerana kebiasaannya ia berasaskan sama ada pandangan secara peribadi atau dari sudut sejarah yang dilihat secara positif atau sebaliknya.¹⁰

Nilai dalam masyarakat Majmuk di Malaysia pula adalah merujuk kepada Dasar Kebudayaan Negara Malaysia,¹¹ nilai dan norma sama ada dalam tradisi atau perkembangan zaman kini seperti Budaya Pribumi, Budaya Bawaan dan Budaya Sezaman tidak bercanggah dengan nilai-nilai agama Islam atau agama-agama lain yang diamalkan di Negara ini. Berdasarkan kandungan terbitan tersebut juga menyatakan bahawa Islam merupakan antara prinsip dasar yang penting dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Dalam hal tersebut, Ibnu Khaldun dalam karangan *Muqaddimah*¹² memperlihatkan bahawa unsur pegangan agama memainkan peranan yang penting sebagai panduan dalam sesebuah pemerintahan negara dengan mengambil contoh pemerintahan khulafa al-Rasyidin yang berpegang kepada aturan dan hukum menurut syariat Islam. Secara tidak langsung, sistem nilai yang bersepadan memberikan tujuan dan makna bagi kehidupan menurut Asma Abdullah.¹³ Dari sudut sains sosial, Geert Hofstede¹⁴ turut menyatakan nilai adalah suatu sistem binaan utama yang mengandungi tujuan dan haluan yang tersendiri. Dengan ini, nilai-nilai Islam secara mutlaknya yang dikemukakan oleh Nik Azis Nik Pa¹⁵ dan Rezki Perdani Sawai et al.¹⁶ dengan memetik dari sumber UNESCO-APNIEVE dinyatakan mengandungi beberapa sub-nilai seperti Nilai Asas, Nilai Teras, Nilai Utama dan Nilai Tambahan atau Kembangan. Rajah model dan penjelasan dan huriaian kepada nilai-nilai tersebut adalah seperti berikut:

Rajah 1: Nilai-Nilai Islam



⁹ Solahuddin Abdul Hamid, "Islam Dalam Pembentukan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu", *Jurnal Seri Alam* 1.12 (2016), 143.

¹⁰ Clement Videl, *What is a Worldview?* (Jerman: Vrije Universitei Brussel, ResearchGate, 2015), 2-3.

¹¹ Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, *Dasar Kebudayaan Negara 2021*, Laman sesawang motac.gov.my, dikemaskini 2021, dicapai 28 Mac 2022, <https://www.motac.gov.my/muat-turun/category/123-dasar-kebudayaan-negara-2021>, 3 dan 9.

¹² Abdurrahman bin Muhammad bin Khaldun, *Muqaddimah Ibnu Khaldun*, Terjemahan Masturi Irham, Malik Supar dan Abidun Zuhri (Jakarta, Indonesia: Penerbit Pustaka Al-Kautsar, 2011), 248.

¹³ Asma Abdullah, *Going Glocal: Cultural Dimensions in Malaysian Management* (Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Management, 1996), 12.

¹⁴ Geert Hofstede, *Cultural Consequences: Comparing Values, Behaviors, Institutions and Organizations Across Nations*, Edisi Kedua (Amerika: Sage Publications Inc, 2001)

¹⁵ Nik Azis Nik Pa, *Penghayatan Pembangunan Wawasan Negara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994)

¹⁶ Rezki Perdani Sawai, Salhah Abdullah, Dini Farhana Baharudin & Noranis Ismail, *Penerapan Nilai-Nilai Islam Melalui Penggunaan Media Dalam Pendidikan*, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (Bangi: Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam (MIST2009), pada 21-22 Julai 2009).

Sumber: UNESCO-APNIEVE dalam Rezki Perdani Sawai et al.

a. Nilai Asas: Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Dari perspektif Islam, ia merupakan nilai akidah. Dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia, nilai ini diletakkan dalam rukun negara yang pertama, kepercayaan kepada Tuhan. Nilai Akidah menurut Islam dimunculkan dalam bentuk rukun iman¹⁷ yang mengandungi kepercayaan wujudnya Allah sebagai Tuhan yang Maha Esa, Malaikat sebagai makhlukNya, Para Nabi dan Rasul adalah utusanNya, turunnya Kitab-Kitab suci, mempercayai hari kiamat, Qada' dan Qadar. Bagi yang bukan beragama Islam, perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkannya sebagai agama yang bebas untuk diamalkan.¹⁸

b. Nilai Teras: Pengamalan yang berlandaskan kepada sumber rujukan seperti al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Perlumbagaan Persekutuan Bahagian I di bawah Perkara 3 (1) telah meletakkan Islam sebagai agama rasmi Negara Malaysia. Hal tersebut menurut Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi et al.,¹⁹ terdapat empat sumber utama sebagai rujukan dalam pemerintahan negara iaitu al-Quran, Sunnah, amalan Khulafa al-Rasyidin dan pandangan para mujtahid. Bagi golongan bukan Islam pula adalah tertakluk di bawah undang-undang Mahkamah Sivil walaupun pada masa yang sama, umat Islam juga mempunyai perlaksanaan undang-undang di Mahkamah Syariah sebagai rakyat Malaysia. Dalam hal ini, pembahagian bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mempunyai garis pemisah dengan mempunyai kuasa bidang mutlak untuk menjalankan fungsinya melalui peruntukan dalam Perkara 74(1) dan (2) Perlumbagaan Persekutuan.²⁰ Maka dalil mengenai perihal berpegang pada nilai asas dan nilai teras tersebut adalah termaktub di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dan Hakim dari Jabir bin Abdullah RA²¹ adalah seperti berikut:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: وقد تركت فيكم مالن تضلوا به إن اعتصتم به كتاب

الله وسنة نبيه

Hadis Riwayat Muslim

Terjemahan: Sabda Rasulullah SAW, “Sungguh telah aku tinggalkan pada kamu semua sesuatu yang tidak akan tersesat selagi berpegang teguh dengannya, iaitu al-Quran dan Sunnah NabiNya.”

c. Nilai Utama: Merupakan kualiti nilai akhlak atau perilaku adab yang baik sebagai seorang muslim berdasarkan tahap keimanan yang dimiliki. Menurut Mohd Khairi Shafie

¹⁷ Jabatan Kajian Ilmiah, *Rukun Iman*, Terj. Abdul Basit Abdul Rahman (Saudi Arabia: Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Islam Madinah, 2001)

¹⁸ Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, Dasar Kebudayaan Negara 2021, Laman sesawang motac.gov.my, loc cit., 14.

¹⁹ Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya dan Muhammad Adib Samsudin, “5.2.1 Kedudukan dan Implikasi Perkara 3(1) Perlumbagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam”. *Journal of Contemporary Islamic Law* 4.2 (2019), 34-45.

²⁰ Muhammad Hafiz Bin Mansor, *Harmonisasi Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dan Syariah: Ulasan Kes Iki Putra dalam Kesalahan Liwat* (Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS), Perspektif 6, 2021), 1.

²¹ Syaikh Amin Abdullah asy-Syaqawi, *Berpegang Teguh dengan al-Qur'an dan as-Sunnah*, Terj. Abu Umamah Arif Hidayatullah (Indonesia: IslamHouse.com, 2013), 9-10.

dan Mohamad Khairi Haji Othman²² yang memetik daripada Mohd. Kamal Hassan menyatakan iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang sebaliknya melahirkan akhlak yang buruk dan keji. Nilai Utama turut dilihat dari aspek Rukun Negara yang Kelima dengan mengutamakan Kesopanan dan Kesusahaian sebagai akur janji masyarakat majmuk di Malaysia. Suhaizi Suhaimi²³ berpandangan bahawa semua agama juga menitikberatkan isu yang melibatkan etika, tambahan pula cara hidup berhemah dan bermoral tinggi dapat membantu meningkatkan patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Prinsip ini dilihat mengutamakan nilai kemanusiaan supaya setiap ahli masyarakat bersikap saling menghormati dan menerima perbezaan yang telah sedia ada demi kesejahteraan sosial bersama. Bagi umat Islam, contoh ikutan akhlak yang paling baik secara jelas adalah daripada diri Rasulullah SAW melalui firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ مِّنْ كُلِّ أَنْوَارٍ وَالْيَوْمَ الْأُخْرَ وَذَكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا

(21)

Al-Ahzab 33: 21

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah dengan banyak (dalam masa susah dan senang).

d. Nilai Tambahan atau Nilai Kembangan: Penggunaan sumber pengajaran atau pembelajaran yang menjadikan nilai tersebut berkesan diamalkan. Nilai pendidikan menurut V. Vijaya Lakshmi dan M. Milcah Paul²⁴ boleh didapati dalam tiga keadaan iaitu di rumah bersama ahli keluarga, dalam masyarakat dan institusi sekolah. Ketiga-tiga bahagian tersebut mengandungi nilai pembelajaran formal dan tidak formal seperti nilai tradisi, agama, budaya, nilai interaksi sosial dan nilai sukanan kurikulum secara profesional. Nilai-nilai tersebut akan sentiasa berkembang mengikut perkembangan usia dan pengalaman yang dilalui dalam kehidupan sebagai ilmu pembelajaran sepanjang hayat. Menurut Intan Shazila Shamsuddin,²⁵ pendekatan pembelajaran sepanjang hayat berupaya memberi peluang kepada individu untuk berubah apabila mengikuti perkembangan dunia semasa. Sebarang nilai-nilai yang mendatangkan kesan yang baik tanpa bercanggah dengan ajaran Islam adalah wajar diambil sebagai hikmah. Dalam hal ini, Dja'far Siddik dan Ja'far²⁶ yang memetik daripada Muhammad Baqir Majlisi menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

الكلمة الحكمة ضالة المؤمن، حيثما وجدها فهو أحق بها

²² Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Haji Othman, Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Malaysia: International Seminar on Generating Knowledge Through Research, Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengembangan Publikasi Ilmiah (P3I) UMSIDA, Proceeding of ICECRS, 1, 2016), 663.

²³ Suhaizi Suhaimi, *Patriotisme Dalam Prinsip Kesopanan dan Kesusahaian dalam Majalah Dewan Siswa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. 40, Bil. 8, 2018), 12-13.

²⁴ V. Vijaya Lakshmi & M. Milcah Paul, "Value Education in Educational Institutions and Role of Teachers in Promoting the Concept", *International Journal of Educational, Science and Research (IJESR)* 8.4 (2018), 30.

²⁵ Intan Shazila Shamsuddin, *Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat di Malaysia* (Melaka: Kolej Komuniti Jasin, kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2016), 3.

²⁶ Dja'far Siddik & Ja'far, *Jejak langkah Intelektual Islam: Epistemologi, Tokoh dan Karyanya* (Medan, Indonesia: Institut Agama Islam Negeri, IAIN Press, 2010), 4.

Terjemahan: Hikmah adalah barang orang mukmin yang hilang.
Di mana sahaja mereka menemukannya, maka mereka lah yang
paling berhak mengambilnya.

Untuk memperolehi hasil kualiti yang positif seperti nilai-nilai hikmah tersebut, ia memerlukan kerjasama dari pelbagai lapisan masyarakat untuk mencorakkannya dengan proses pembelajaran sepanjang hayat. Sejajar dengan hal yang demikian, Malaysia telah mewujudkan rukun negara sebagai langkah untuk menyatukan masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Menerusi Rukun Negara sebagai contohnya dilihat mengeluarkan nilai-nilai yang setara dan seimbang dengan kemampuan setiap anggota masyarakat boleh melaksanakannya tanpa sebarang keraguan dan diskriminasi. Ini kerana, Rukun Negara bukan sahaja perlu dilihat akan kepentingannya dari sudut perpaduan bangsa dalam negara, tetapi juga relevan dalam menangani krisis dari pihak negara luar.²⁷ Dalam merealisasikan ideologi Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, Kesopanan dan Kesusilaan, ia memerlukan penerapan dalam bentuk pendidikan secara berterusan supaya medium tersebut menjadi teras untuk mengekalkan keharmonian bersama di bawah payung Negara Malaysia.

Analisis Nilai Islam dalam Budaya Masyarakat Majmuk Melalui Siri Animasi Upin dan Ipin

Nilai budaya Islam yang dipaparkan dalam siri animasi Upin dan Ipin memperlihatkan bagaimana masyarakat di sebuah kampung mengamalkan kehidupan secara harmoni dalam lingkungan masyarakat majmuk. Kehadiran masyarakat majmuk ini telah memberi pengukuhan bahawa Islam memiliki nilai yang luhur dan terpuji berdasarkan teras nilai yang ada iaitu nilai akidah, nilai syariah, dan nilai akhlak. Mohd Mizan Mohd Aslam menyatakan bahawa Islam adalah agama yang syumul dengan meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti akidah, ibadah, akhlak, ekonomi, politik, kemasyarakatan, kesihatan, kebudayaan, bahasa, seni, pengetahuan, hubungan antarabangsa, alam sekitar, falsafah, sains, undang-undang dan sebagainya.²⁸ Hal ini dihuraikan oleh Nik Azis Nik Pa²⁹ bahawa nilai yang mutlak dalam Islam mengandungi beberapa sub-nilai yang terdiri sebagai Nilai Asas (Akidah), Nilai Teras (Syariah), Nilai Utama (Akhlak) dan Nilai Tambahan atau Nilai Kembangan (Pendidikan).

(a) Nilai Asas (Akidah)

Akidah merupakan nilai asas dalam pembentukan budaya masyarakat muslim. Menurut Nik Azis Nik Pa³⁰, nilai asas ialah berkaitan dengan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan atau disebut dengan nilai akidah. Dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia, nilai ini diletakkan dalam rukun negara yang pertama, kepercayaan kepada Tuhan. Nilai Akidah menurut Islam dimunculkan dalam bentuk rukun iman³¹ yang mengandungi kepercayaan wujudnya Allah sebagai Tuhan yang Maha Esa, Malaikat sebagai makhluk-Nya, Para Nabi dan

²⁷ Abdul Rahman Abdul Aziz, Rukun Negara dalam Memperkuatkan Ketahanan Negara (Universiti Utara Malaysia: Seminar on National Resilience, Political Managements and Policies in Malaysia, 2010), 443-457.

²⁸ Mohd Mizan Mohd Aslam Prof. Madya Dr, "Bukti Kesyumann Islam," Laman sesawang Harian Metro, dikemaskini 2 Jun 2020, dicapai 12 Julai 2020, <https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/584977/amp>

²⁹ Nik Azis Nik Pa, *Penghayatan Pembangunan Wawasan Negara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994)

³⁰ Nik Azis Nik Pa, *Penghayatan Pembangunan Wawasan Negara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994)

³¹ Jabatan Kajian Ilmiah, *Rukun Iman*, Terj. Abdul Basit Abdul Rahman (Saudi Arabia: Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Islam Madinah, 2001).

Rasul adalah utusan-Nya, turunnya Kitab-Kitab suci, mempercayai hari kiamat, Qada' dan Qadar.

Siri animasi Upin dan Ipin memiliki kelebihan dalam melahirkan masyarakat yang bersatu padu tanpa mengira bangsa dan agama. Kewujudan masyarakat majmuk dalam siri animasi ini menggambarkan bahawa Islam saling menghormati antara pelbagai kaum dan agama. Hal ini dijelaskan dalam Surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud, “*Wahai manusia! sesungguhnya, Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling kenal mengenali. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.*”

Gambar 1: Nilai Asas (Akidah)



Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Ketiga-tiga Gambar 1 di atas menunjukkan nilai-nilai asas (akidah) yang melaksanakan amalan-amalan yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Tuhan dalam lingkungan keluarga, ahli komuniti dan institusi di kampung. Di dalam gambar pertama bertajuk *Lailatul Qadr*, Opah selaku ketua keluarga memberikan tazkirah berkenaan dengan Malam Lailatul Qadr kepada cucu-cucunya dengan berkata, “*Malam yang penuh rahmat bagi umat Islam. Malam tu adalah lebih baik dari sebulan bulan. Para Malaikat turun ke Bumi dengan izin Allah. Sejahteralah malam itu hingga ke Subuh. Kemudiannya Opah pun menyambung lagi, “Mereka (Para Malaikat) turun (ke Bumi) tu ada tugas. Untuk mencatatkan apa yang umat Islam buat pada malam-malam terakhir bulan puasa.*” (The Best Upin & Ipin dalam YouTube, 10 Ogos 2020, Durasi: 01:10 – 01:26)³²

Upin, Ipin dan Kak Ros mendengar penerangan tersebut kerana diri mereka turut disebut sebagai contoh manusia yang akan dicatatkan amalan oleh Malaikat. Oleh itu, cerita *Lailatul Qadr* (2008) ini menunjukkan bahawa penerapan kepercayaan nilai asas berkenaan ilmu keimanan bermula dari dalam keluarga dan memerlukan sedikit contoh yang relevan untuk menarik perhatian. Pengetahuan akidah yang sahih dalam keluarga menurut Asming Yalawae et al.³³ dapat memberikan kesan positif dalam kehidupan terhadap ahli keluarga, melahirkan ketenangan, kerukunan dan ketenteraman hidup.

Gambar kedua bertajuk *Kisah Dua Malam* pula menunjukkan perkongsian Upin dan Ipin mengenai hal kepercayaan ghaib makhluk halus yang tidak seharusnya ditakuti dan hendaklah memperbanyakkan amalan ibadah sebagai benteng perlindungan agar terhindar dari gangguan tersebut. Di dalam cerita tersebut memaparkan dialog Upin berpesan dengan kawan-kawannya, “*Kalau kita rajin sembahyang, mengaji... hantu tak akan masuk rumah*

³² The Best Upin & Ipin, "Upin & Ipin | Musim 14 - Lailatul Qadar (Episod Penuh) | Upin Ipin Terbaru 2020, Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 10 Ogos 2020, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=rLefsRdVduk>

³³ Asming Yalawae, Mustafa 'Afifi Ab. Halim & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, “Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga”, *Jurnal Usuluddin* 33, (2011), 17.

kita. Hantu yang takut kita. Kalau ada hantu pun, kita yang hantu tu.” (fbpauzi dalam YouTube, 17 Disember 2017, Durasi: 12:06 - 12:16)³⁴ Ini menunjukkan hasil didikan daripada ahli keluarga boleh dijadikan sebagai perkongsian kepada kawan-kawan yang merupakan sebahagian dari ahli komuniti masyarakat. Pengaruh rakan sebaya amat berkait rapat dalam perihal nilai asas yang menjadi teras dalam pembentukan sahsiah apabila berjauhan dengan ahli keluarga. Dalam hal ini, Nor Wahida Dzalihu’zzabir³⁵ menyatakan bahawa rakan sebaya merupakan model persekitaran yang dilihat dan ditiru oleh pelajar dalam amalan kehidupan sehari-hari.

Takbir raya di dalam gambar ketiga bertajuk *Malam Syahdu* dilakukan oleh kumpulan ahli masyarakat Kampung Durian Runtuh pada malam terakhir Bulan Ramadhan. Hal ini menunjukkan acara takbir dengan berkunjung dari rumah ke rumah dan kelihatan Tok Dalang dan kawan-kawan Upin dan Ipin turut hadir memeriahkan keadaan. Kak Ros kemudiannya menyuruh Upin dan Ipin menghidangkan makanan kepada tetamu yang hadir dan sampul yang berisi sedikit wang sebagai tanda penghargaan. Setelah selesai, Tok Dalang kemudiannya mengajak Upin dan Ipin untuk menyertai acara tersebut di rumah kejiranannya yang lain, “Haa... engkau berdua, nak ikut atuk takbir raya?”. Hal tersebut menjadikan Upin dan Ipin mendapat keizinan daripada Opah dengan pesanan supaya apabila pulang nanti ikut Tok Dalang juga dan jangan bersikap nakal. (Gerai Mutu Official dalam YouTube, 20 Julai 2017, Durasi: 04:22 - 04:43)³⁶ Pengamalan yang sedemikian menunjukkan Nilai Asas dihidupkan untuk mengagungkan kebesaran Allah SWT sebagai tanda komitmen, kepatuhan dan kejayaan dalam melaksanakan syiar ajaran Islam di muka bumi ini. Tradisi yang menjadi budaya ini juga secara tidak langsung menjadikan ia suatu kegiatan dakwah yang mudah diterima dan boleh menarik minat masyarakat untuk mengikutinya seperti mana yang digambarkan dalam kajian ilmiah Laely Hidayati.³⁷

(b) Nilai Teras (Syariah)

Nilai teras pula mempunyai perkaitan dengan pengamalan manusia dalam menjaga hubungan manusia dengan Allah, menjaga hubungan manusia dengan manusia dan menjaga hubungan manusia dengan alam (persekitaran dan haiwan). Pengamalan syariah ini mestilah berlandaskan sumber rujukan utama dalam Islam iaitu al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Menurut Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi et al.,³⁸ terdapat empat sumber utama sebagai rujukan dalam pemerintahan negara iaitu al-Quran, Sunnah, amalan Khulafa al-Rasyidin dan pandangan para mujtahid. Bagi golongan bukan Islam pula adalah tertakluk di bawah undang-undang Mahkamah Sivil walaupun pada masa yang sama, umat Islam juga mempunyai perlaksanaan undang-undang di Mahkamah Syariah sebagai rakyat Malaysia. Dalam hal ini, pembahagian bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mempunyai garis pemisah dengan mempunyai kuasa bidang mutlak untuk menjalankan fungsinya melalui peruntukan dalam

³⁴ fbpauzi, "Upin Ipin 2009 - 05. Kisah Dua Malam FULL," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 17 Disember 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=aXw5UHGig8g>

³⁵ Nor Wahida Dzalihu’zzabir, “Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Amalan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik”, *Journal of Humanities, Language, Culture and Business* 1.2 (2017), 91.

³⁶ Gerai Mutu Official, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - MALAM SYAHDU - Musim 02 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 20 Julai 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=kghZQYsmiB4>

³⁷ Laely Hidayati, *Tradisi Takbir Keliling Di Desa Raji Kecamatan Demak Kabupaten Demak Dalam Perspektif Dakwah Islam* (Skripsi Sarjana Sosial Islam, Jurusan Komunikasi dan Penyiaran Islam, Fakultas Dakwah Dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, 2016), 90-91.

³⁸ Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya & Muhammad Adib Samsudin, “5.2.1 Kedudukan dan Implikasi Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam”, *Journal of Contemporary Islamic Law* 4.2, (2019), 34-45.

Perkara 74(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan.³⁹ Oleh itu, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia perlu mematuhi perlembagaan negara tersebut.

Siri Animasi Upin dan Ipin turut memaparkan nilai budaya dalam Islam dengan perlaksanaan amalan nilai teras (syariah) seperti berikut:

Gambar 2: Nilai Teras (Syariah)



Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Pengamalan nilai teras (syariah) di dalam gambar pertama bertajuk *Esok Raya* menunjukkan Opah menyuruh kedua cucu kembarnya untuk mula berpuasa pada Bulan Ramadhan pada tahun tersebut. Dalam hal ini, Aria Fadli⁴⁰ menyatakan bahawa untuk membiasakan anak berpuasa, perlu dilatih dari awal agar anak mempunyai peribadi yang taat kepada syariat Islam. Oleh itu, persoalan mengenai pengertian puasa, sebab berpuasa dan cara berpuasa menjadi perbincangan yang penting bagi Upin dan Ipin dengan Opah. Watak Opah selaku ketua keluarga dilihat memberikan penerangan mengenai kewajipan menunaikan rukun Islam yang ketiga kepada Upin dan Ipin dengan berkata, “*Puasa tu kita tak boleh makan, tak boleh minum dari pagi sampai petang. Orang Islam wajib puasa. Tuhan suruh, supaya kita tahu macam mana rasanya orang yang kelaparan.*” Penjelasan ini diikuti pula dengan sedikit pujukan dan pemberitahuan cara untuk memulakan perlaksanaan ibadah tersebut, “*Kecik-kecik la kena belajar puasa... malam ni tidur awal, esok pagi kena bangun sahur. Sahur tu pagi-pagi kita bangun, kita makan, kita minum, nanti bolehlah tahan puasa.*” (Gerai Mutu Official dalam YouTube, 20 Julai 2017, Durasi: 01:29 - 02:25)⁴¹ Demikianlah pentingnya ketua keluarga melaksanakan asas rukun Islam ketiga ini untuk membolehkan nilai teras diterapkan kepada anak-anak supaya menjadi kebiasaan sebagai ibadah dalam hidupnya apabila menginjak dewasa kelak.

Nilai teras di dalam komuniti pula dipaparkan dalam gambar kedua bertajuk *Rasai Kemenangannya*. Terdapat beberapa babak perlaksanaan nilai teras ini berlaku. Contohnya ketika Upin, Ipin dan kawan-kawan yang sedang dalam perjalanan ke kelas mengaji di Surau, mereka berselisih dengan Mei Mei dan Jarjit yang mahu menuju ke Pondok Mainan. Jarjit membuat andaian bahawa Ehsan dimarahi oleh Ustaz yang kelihatan bersuara lantang ketika dia dan Mei Mei pernah mengintai di tingkap Surau untuk melihat keadaan kelas pengajian tersebut. Tetapi hal ini diperjelaskan semula oleh Ehsan sebagai nasihat sahaja, bukan marah. Kemudian Jarjit mengajak mereka untuk pergi bermain dan ajakan tersebut segera dihalang

³⁹ Muhammad Hafiz Mansor, Harmonisasi Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dan Syariah: Ulasan Kes Iki Putra dalam Kesalahan Liwat (Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS), Perspektif 6, 2021), 1.

⁴⁰ Aria Fadli, Upaya Orang Tua Dalam Melatih Anak Berpuasa Ramadhan Di Desa Nanga Serawai Kecamatan Serawai Kabupaten Sintang (Indonesia: Universitas Muhammadiyah Pontianak, Fakultas Agama Islam, 2014)

⁴¹ Gerai Mutu Official, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - ESOK PUASA - Musim 01 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 20 Julai 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=GWMyRli1sss>

oleh Mei Mei dan Jarjit pun akur. Mei Mei kemudiannya menutup perbualan sebelum beredar dengan berkata “*Tak apalah. Kamu orang pergi mengaji, lain hari boleh main. Bye bye.*” (Gerai Mutu Official dalam YouTube, 19 Julai 2017, Durasi: 00:36-01:24)⁴² Ini menunjukkan amalan akomodasi wujud dalam kalangan ahli komuniti masyarakat majmuk dengan memperlihatkan watak Mei Mei dan Jarjit memahami keadaan mereka dalam perbezaan agama. Keadaan yang sedemikian merupakan sifat perhubungan dua hala yang telah saling mengenali akan kepelbaaan budaya yang wujud seperti yang dinyatakan dalam kajian Noor Aziera Mohamad Rohana et al.⁴³

Pada hari yang lain, Upin, Ipin dan kawan-kawan meminta penjelasan daripada Ustaz Hamzah mengenai keadaan Ehsan yang sakit dan makan ketika di bulan puasa apabila mereka melawat di rumahnya pada tempoh hari. Dan hal ini dijelaskan oleh Ustaz, “*Kalau sakit, kita tak diwajibkan berpuasa. Orang sakit kenalah makan ubat*”. Kemudian Ustaz mendengar bisikan Mail untuk sengaja demam pada esok hari supaya tidak perlu berpuasa. Hal ini segera ditegur oleh Ustaz Hamzah, “*Salah tu, Mail. Kalau kita sengaja tak puasa, berdosa! Tapi kalau kita tak puasa sebab sakit ke, atau sebab lain... kita kena ganti.*” Apabila mendengar teguran itu, Mail pun membuat kesimpulan adalah lebih baik untuk terus berpuasa. (Gerai Mutu Official dalam YouTube, 19 Julai 2017, Durasi: 12:11 - 12:48)⁴⁴

Ini menunjukkan betapa pentingnya Ilmu Fiqh berkaitan dengan puasa di sisi agama Islam diketahui oleh ahli komuniti supaya boleh memastikan amal ibadah dilakukan dengan sempurna. Keringanan untuk tidak berpuasa dan wajib menggantikan ibadah tersebut merupakan bukti bahawa puasa adalah perintah agama yang tidak boleh dipermainkan walaupun mempunyai kemudahan disebabkan oleh masalah fitrah kemanusiaan. Dari cerita tersebut bertepatan dengan pandangan Irsyadul Ibad,⁴⁵ bahawa ibadah puasa dilihat mempunyai nilai pendidikan untuk bersifat jujur, bersikap sabar, melatih disiplin dan kepekaan sosial dalam menjalani amanah yang diperintahkan Allah SWT.

Gambar ketiga bertajuk *Zakat Fitrah* memaparkan keadaan kaunter zakat di halaman surau ketika bulan Ramadhan disediakan oleh pihak institusi di kampung sebagai platform umat Islam untuk menunaikan kewajipan rukun Islam yang keempat ini. Penunaian zakat fitrah di dalam cerita ini juga tidak semestinya dilakukan secara formal di kaunter apabila terdapat babak di dalam filem ini menunjukkan Opah hampir terlupa untuk membayar zakat ketika di penghujung bulan Ramadan yang kebetulan diingatkan oleh Upin dan Ipin semasa melihat ayah Ehsan melakukannya di Surau. Apabila tiada sebarang kelibat pengutip zakat di surau, mereka bergegas ke rumah Tok Dalang. Hal ini menunjukkan bahawa Islam itu mudah dan boleh dilakukan di mana-mana sahaja dengan akad pembayar seperti Opah yang melafazkan, “*Duit ini, duit zakat fitrah yang wajib untuk aku dan tanggungan aku bagi tahun ini.*” Tok Dalang pula menjawab “*Ya lah. Aku terima zakat ni. Nah, ini resitnya.*” sambil

⁴² Gerai Mutu Official, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - RASAI KEMENANGAN - Musim 06 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 19 Julai 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=POgfRpfpdpdg>

⁴³ Noor Aziera Mohamad Rohana, Mohd Faizal P.Rameli, Rawi Nordin & Siti Nurul Izza Hashim, “Kepelbaaan dan Kesepadan Etnik di Malaysia Menurut Islam”, *Sains Insani* 2.2 (2017), 90.

⁴⁴ Gerai Mutu Official, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - RASAI KEMENANGAN - Musim 06 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 19 Julai 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=POgfRpfpdpdg>

⁴⁵ Irsyadul Ibad, “Nilai-Nilai Kependidikan Dalam Pengamalan Ibadah Puasa Ramadan: Kajian Al-Qur'an Surat Al-Baqarah Ayat 183-187” (Skripsi, Sarjana Pendidikan Islam, Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan, Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Salatiga, 2015), 71-75.

memberikannya kepada Upin dan Ipin untuk disimpan. (Gerai Mutu Official dalam YouTube, 20 Julai 2017, Durasi: 02:35 - 03:20)⁴⁶

Sementara menunggu waktu berbuka puasa di dalam rumah, Upin mengajak Ipin untuk beraya di rumah Tok Dalang kerana menganggap beliau menerima banyak wang tunai daripada orang ramai. Kak Ros segera menjelaskan kepada Upin dan Ipin, “Eh, itu bukan duit dia lah. Dia kutip aje. Duit tu nanti, dibagikan kepada orang yang berhak.” Dialog tersebut menunjukkan bahawa Kak Ros memahami peranan Tok Dalang sebagai *Amil* untuk institusi zakat. (Gerai Mutu Official dalam YouTube, 20 Julai 2017, Durasi: 03:54 - 04:03)⁴⁷ Perihal ini boleh difahami melalui Hairunnizam Wahid et al.⁴⁸ bahawa peranan pihak kerajaan hanyalah perantara melalui pegawai yang diberi kuasa sebagai pengutip zakat dan mengagihkan zakat kepada asnaf tertentu.

(c) Nilai Utama (Akhlik)

Nilai utama dalam Islam merupakan kualiti nilai akhlak atau perilaku adab yang baik sebagai seorang muslim berdasarkan tahap keimanan yang dimiliki. Menurut Mohd Khairi Bin Shafie dan Mohamad Khairi Haji Othman⁴⁹ yang memetik daripada Mohd. Kamal Hassan menyatakan iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang sebaliknya melahirkan akhlak yang buruk dan keji. Nilai utama turut dilihat dari aspek Rukun Negara yang kelima dengan mengutamakan Kesopanan dan Kesusilaan sebagai akur janji masyarakat majmuk di Malaysia. Suhaizi Suhaimi⁵⁰ berpandangan bahawa semua agama juga menitikberatkan isu yang melibatkan etika, tambahan pula cara hidup berhemah dan bermoral tinggi dapat membantu meningkatkan patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Prinsip ini dilihat mengutamakan nilai kemanusiaan supaya setiap ahli masyarakat bersikap saling menghormati dan menerima perbezaan yang telah sedia ada demi kesejahteraan sosial bersama.

Hal ini ditegaskan oleh Azirawati, Nor Raudah dan Yusmini⁵¹ bahawa sifat dan akhlak Rasulullah SAW telah berjaya menarik perhatian orang ramai supaya tidak takut untuk mendekati Islam. Sifat kasih sayang, mengambil berat, bertoleransi, bersympati yang ada dalam diri Rasulullah SAW dan para sahabat menjadi contoh teladan kepada masyarakat dalam menghadapi kehidupan dalam kepelbagaiannya kaum dan agama. Antara nilai utama yang terdapat di dalam filem animasi Upin dan Ipin adalah seperti berikut:

Gambar 3: Nilai Utama



Tajuk: Istimewa Hari Ibu

<https://www.youtube.com/watch?v=VzBjMqYQDwU>

Tajuk: Ikhlas Dari Hati

Tajuk: Perangi Rasuah

⁴⁶ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader, Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1, 2009), 92.

⁴⁷ Mohd Khairi Bin Shafie dan Mohamad Khairi Bin Haji Othman, Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Malaysia: International Seminar on Generating Knowledge Through Research, Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengembangan Publikasi Ilmiah (P3I) UMSIDA, Proceeding of ICECRS, 1, 2016), 663.

⁴⁸ Suhaizi Suhaimi, Patriotisme Dalam Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan dalam Majalah Dewan Siswa (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. 40, Bil. 8, 2018), 12-13.

⁴⁹ Azirawati Abdul Rahman, Nor Raudah Hj Siren & Yusmini Md Yusoff, “Kaedah Komunikasi Keluarga dalam Surah Āli’Imrān Ayat 159: Kajian Amalan Mualaf Cina di Selangor”, *Jurnal Usuluddin* 49.1. (2021): 27-53.

Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Gambar 3 di atas memaparkan beberapa adegan yang berkaitan dengan akhlak yang menjadi Nilai utama yang diamalkan dalam pelbagai kelompok masyarakat. Di dalam gambar pertama bertajuk *Istimewa Hari Ibu* apabila Upin dan Ipin telah meraikan Hari Ibu dengan memberikan kad ucapan sebagai tanda penghargaan kepada Opah. “*Hari ni Hari Ibu, tapi kita orang kan ada Opah. Jadi, Selamat Hari Opah, Opah!*” Kad tersebut dibuka oleh Opah. Dia memuji kecantikan kad pemberian cucunya, mengungkapkan terima kasih dan sayang kepada cucunya itu. Kemudian Kak Ros memberikan nasihat kepada Upin dan Ipin, “*Dengar tu, Opah sayang kita. Jadi, dengar cakap Opah. Jangan nakal nakal. Orang yang sayang maknya, Tuhan sayang. Kita kan ada Opah, kita kenalah sayang dan hargai Opah.*” (Gerai Mutu Official dalam YouTube, 19 Julai 2017, Durasi: 12:47 - 13:17)⁵² Nasihat tersebut kemudiannya disambut dengan baik dan penuh mesra.

Situasi yang sedemikian menunjukkan bahawa ketatan dan kebaikan kepada ibu dan bapa hendaklah dilakukan dengan berbudi bahasa, bersopan santun, menggembirakan mereka dan sentiasa mendoakan kebaikan untuk mereka seperti yang dianjurkan dalam teks Khutbah Jumaat, Jabatan Agama Islam Selangor,⁵³ “*Kita diperintahkan untuk sentiasa melakukan kebaikan, berlemah lembut, berbudi bahasa dan bersopan santun terhadap mereka.*” Di dalam cerita ini juga memaparkan babak Upin, Ipin dan Kak Ros yang menziarahi pusara ibu untuk mendoakan kesejahteraannya dengan berkata, “*Kita hadiahkanlah al-Fatihah, doakan mak supaya ditempatkan di antara orang yang beriman.*” Hal ini juga merupakan contoh akhlak yang baik oleh anak terhadap ibu atau bapa yang telah meninggal dunia.

Cerita bertajuk *Ikhlas Dari Hati* dalam paparan gambar kedua pula adalah cerita mengenai Upin, Ipin dan kawan-kawan berusaha menghulurkan bantuan kepada Ijat dan keluarganya apabila rumahnya telah ditimpah kebakaran. Sebagai ahli komuniti, Upin, Ipin dan kawan-kawan memulakan usaha mengumpul wang sumbangan daripada warga Kampung Durian Runtuh dengan berkunjung ke setiap kawasan rumah jiran tetangga, kedai runcit dan tapak perniagaan di pasar. Mail dan Jarjit pula melakukan perniagaan sambil mengutip derma di depan warung Uncle Muthu.

Suatu hari kemudian, Ijat tiba di Sekolah. Dia dijemput masuk ke dalam kelas dan diberikan pelbagai sumbangan daripada kawan-kawan seperti Ehsan yang menyumbangkan pakaian lamanya yang masih elok dan Mei Mei memberikan buku. Diikuti oleh Upin, Ipin dan kawan-kawan yang lain pula menyerahkan hasil kutipan derma sambil berkata, “*Ijat, ini daripada kami semua. Satu Kampung bagi derma ni tau.*” Ijat berasa sangat terharu dan mengucapkan terima kasih. Hal tersebut dipuji oleh Cikgu Jasmin dengan berkata, “*Haa, macam inilah kita berkawan. Bila kawan dalam kesusahan, kita tolong. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.*” (UpinIpinTv9Malaysia dalam YouTube, 19 Julai 2017, Durasi: 20:00

⁵² Gerai Mutu Official, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - ISTIMEWA HARI IBU - Musim 03 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 19 Julai 2017, ditonton 9 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=DzGE-cFbwKw>

⁵³ Jabatan Agama Islam Selangor, "Khutbah Jumaat 11 Mei 2012: "Mentaati Ibubapa Satu Kewajipan," Laman Sesawang JAIS, dimuatnaik 11 Mei 2012, diakses 9 November 2022, [http://emasjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat\(Manual\)11052012.pdf](http://emasjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat(Manual)11052012.pdf)

- 20:33)⁵⁴ Akhlak yang sedemikian sangat dianjurkan sebagai tanda kasih sayang dan bersimpati terhadap orang yang ditimpakan kesusahan. Tindakan menghulurkan bantuan kewangan dan sebagainya adalah amat wajar untuk meringankan beban yang dihadapi. Menurut Siti Norlina Muhamad et al.,⁵⁵ ciri-ciri kesempurnaan dalam kehidupan majmuk adalah mempunyai tahap keimanan dan ketakwaan yang tinggi, anggotanya hidup bersatu padu, saling tolong-menolong dan saling membina sehingga berjaya melahirkan suasana harmoni.

Gambar ketiga bertajuk *Perangi Rasuah* pula sebagai pengetahuan umum untuk mengenali institusi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Di dalam cerita ini, Ehsan memberitahu kepada kawan-kawan bahawa ayahnya menjadi pemberi maklumat berkenaan kes rasuah menjual minyak kepada pihak SPMR. Walaupun pada asasnya menjual minyak adalah perniagaan yang sah, Tok Dalang menjelaskan, “*Jual minyak tak salah. Tapi, menyeleweng minyak bersubsidi tu yang salah. Mereka ni, mesti dilindungi oleh pihak berkuasa yang tak jujur. Sebab tulah pihak SPMR tangkap mereka.*” Dan ulasan Tok Dalang pula disambung oleh Mail, “*Memang patut pun, merugikan negara dan rakyat.*” Tambahan pula, pemberi maklumat berkaitan dengan hal ehwal rasuah kepada pihak SPMR adalah golongan yang akan diberikan perlindungan. (Les' Copaque Production dalam YouTube, 6 Januari 2022, Durasi: 13:23 - 14:35)⁵⁶

Secara umumnya, rasuah merupakan perbuatan yang keji, mungkar dan haram di sisi ajaran Islam dan undang-undang dunia. Menurut Sarah Dina Mohd Adnan dan Mohd Adib Ismail,⁵⁷ impak rasuah menyebabkan kepercayaan orang awam terhadap golongan cerdik pandai negara menjadi terhakis, melumpuhkan fungsi perjalanan organisasi, kepentingan rakyat menjadi terabai, pertumbuhan ekonomi negara merosot dan berupaya menghancurkan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara.

(d) Nilai Tambahan atau Nilai Kembangan (Pendidikan)

Penggunaan sumber pengajaran atau pembelajaran yang menjadikan nilai tersebut berkesan diamalkan. Nilai pendidikan menurut V. Vijaya Lakshmi dan M. Milcah Paul⁵⁸ boleh didapati dalam tiga keadaan iaitu di rumah bersama ahli keluarga, dalam masyarakat dan institusi sekolah. Ketiga-tiga bahagian tersebut mengandungi nilai pembelajaran formal dan tidak formal seperti nilai tradisi, agama, budaya, nilai interaksi sosial dan nilai sukatan kurikulum secara profesional. Nilai-nilai tersebut akan sentiasa berkembang mengikut perkembangan usia dan pengalaman yang dilalui dalam kehidupan sebagai ilmu pembelajaran sepanjang hayat.

⁵⁴ UpinIpinTv9Malaysia, "UPIN & IPIN 2011 (Season 5) - Ikhlas Dari Hati (EPISODE 4)," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 17 Ogos 2011, ditonton 9 November 2022, https://www.youtube.com/watch?v=BNy8c6J9T_A

⁵⁵ Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron & Siti Aisyah Abdul Rahman, Budaya Penyayang dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori dan Praktis (Hotel City Bayview Langkawi: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme, SIVIC, Anjuran Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia, 2004)

⁵⁶ Les' Copaque Production, "Upin & Ipin - Perangi Rasuah (Episod Penuh)," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 6 Januari 2022, ditonton 9 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=SwVeuFAYfc0>

⁵⁷ Sarah Dina Mohd Adnan dan Mohd Adib Ismail, Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi (Johor Bahru: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII 2013, Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju, Anjuran Majlis Profesor Negara, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid 1, 2013), 246 - 253.

⁵⁸ V. Vijaya Lakshmi dan M. Milcah Paul, "Value Education in Educational Institutions and Role of Teachers in Promoting the Concept", *International Journal of Educational, Science and Research (IJESR)* 8.4 (2018), 30.

Menurut Intan Shazila Shamsuddin,⁵⁹ pendekatan pembelajaran sepanjang hayat berupaya memberi peluang kepada individu untuk berubah apabila mengikuti perkembangan dunia semasa. Antara nilai tambahan yang terdapat di dalam filem animasi Upin dan Ipin adalah seperti berikut:

⁵⁹ Intan Shazila Shamsuddin, *Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat di Malaysia* (Melaka: Kolej Komuniti Jasin, kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2016), 3.

Gambar 4: Nilai tambahan atau kembangan dalam filem animasi Upin dan Ipin



Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Isi kandungan nilai tambahan (pendidikan) yang terdapat di dalam gambar bertajuk *Jambatan Ilmu* memaparkan Upin dan Ipin yang sedang mengekspresikan watak Tanggang dan Ibu di hadapan Kak Ros dan Opah melalui hasil pembacaan buku cerita tersebut. Hasil lakonan tersebut kemudiannya ditanya oleh Opah, “*Jadi, apa yang Ipin belajar dari cerita tu?*” Ipin menggaru kepala untuk berfikir. Dan Upin pun segera menjawab, “*Kita mesti mengenang jasa kedua orang tua.*” Kemudian Opah bertanya lagi, “*Lagi? yang paling penting, apa?*” Soalan Opah membuatkan Upin termanggu berfikir sebentar, tetapi segera disampuk oleh Kak Ros, “*Jangan jadi anak derhaka. Anak-anak kena dengar cakap ibu bapa. Itu pun tak tahu...*” Ipin pun segera membalias, “*Alah akak ni, manalah Ipin tahu.*” Opah kemudiannya segera menasihati kedua cucunya itu, “*Kalau tak tahu, maknanya Ipin tak saham apa yang dibaca. Sebab tu tak tahu apa pengajarannya.*” Tidak lama kemudian, tiba giliran Upin pula untuk bercerita. Tetapi segera ditanya oleh Opah, “*Upin, dah tahu apa pengajarannya?*” Upin kelihatan teragak-agak. Kemudian Opah menasihati mereka, “*Haa, tak tahulah tu. Pergi baca balik. Dah tahu, baru cerita. Faham?*” Upin pun akur dengan nasihat tersebut. (Ananto Wibowo dalam YouTube, 28 Januari 2017, Durasi: 00:08 - 03:06)⁶⁰

Dialog di dalam babak pertama cerita tersebut menunjukkan bahawa sumber bacaan sastera kanak-kanak boleh memberikan nilai tambahan kepada anak-anak untuk rangsangan belajar dan berfikir. Ia juga merupakan kaedah untuk ibu, bapa atau penjaga membentuk sahsiah peribadi anak-anak apabila turut berperanan sebagai pemantau yang menguji tahap kefahaman mereka dan pada masa yang sama turut menggalakkan mereka untuk terus membaca. Manfaat dari sastera kanak-kanak juga terdapat di dalam hasil kajian Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi⁶¹ bahawa ia dapat dijadikan sebagai medium pendidikan yang boleh menerapkan nilai pengajaran berdasarkan peristiwa yang berlaku dan kebolehan untuk menafsir dengan membandingkan nilai baik dan buruk.

Kisah *Juara Kampung* yang terdapat di dalam gambar kedua menceritakan tentang Upin dan Ipin pada asalnya tidak pandai bermain Badminton dan ditertawakan oleh kawan-kawan. Kemudian Upin dan Ipin disarankan oleh Opah untuk belajar dengan Tok Dalang kerana pernah digelar sebagai Juara Kampung di dalam sukan itu pada suatu ketika dahulu. Keesokan harinya Tok Dalang memberikan sepasang raket kepada Upin dan Ipin. Oleh kerana mereka tidak tahu bermain, Tok Dalang pun berkata, “*Tak apa, nanti Atuk ajar kamu sampai jadi juara... kampung.*” Maka Upin dan Ipin pun mula belajar dari atas seperti cara memegang

⁶⁰ Ananto Wibowo, "Upin & Ipin Jambatan Ilmu 2017," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 28 Januari 2017, ditonton 9 November 2022, https://www.youtube.com/watch?v=w9VZ8fP01_U

⁶¹ Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, "Unsur Fantasi Sebagai Medium Pengajaran dalam Sastera Kanak-Kanak", *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)* 1 (2013), 226.

raket, cara menghantar dan membalias pukulan bulu tangkis daripada Tok Dalang sehingga menjadi pandai. (Upin Ipin official dalam YouTube, 24 Jun 2020, Durasi: 06:49 - 08:27)⁶²

Hasil pembelajaran tersebut menjadikan Upin dan Ipin berlatih dengan bersungguh-sungguh dan akhirnya menjadi juara pertandingan permainan badminton secara beregu ketika bermain dengan kawan-kawan. Kesimpulan dari kisah ini menonjolkan Nilai Tambahan atau Kembangan juga boleh didapati dari faktor persekitaran sosial seperti pengaruh daripada rakan sebaya dan masyarakat kerana menurut Zakaria Stapa et al.⁶³ yang memetik daripada Azhar, corak pembelajaran sosial memainkan peranan penting sebagai permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan yang menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku.

Institusi Sekolah memainkan peranan yang penting sebagai asas contoh untuk menggalakkan nilai tambahan berlaku melalui pendidikan formal dan diamalkan oleh murid-murid seawal usia yang muda. Cerita *Belajar Sambil Main* dalam gambar ketiga menunjukkan Cikgu Melati mula memperkenal kaedah pembelajaran dengan menggunakan teknologi alatan Tablet dengan berkata kepada murid-muridnya di dalam kelas, “*Mulai hari ini, kita guna tablet untuk belajar.*” Semua murid kelihatan teruja. Pada masa yang sama turut hairan dan mula bertanya tentang buku. Cikgu Melati pun segera menjawab, “*Tak payah bawa. Tapi, simpan dalam rumah sebagai rujukan.*” Walaupun ramai yang kelihatan gembira, tetapi ada juga yang berasa sedih, “*Saya tak dapat baca buku lagi.*” Keluh Mei Mei. Cikgu Melati cuba menjelaskan sekali lagi dengan cara yang berlainan untuk memujuknya, “*Boleh... bacalah di rumah. Di Sekolah, baca dengan ini (Tablet). Mulai esok, Cikgu nak murid-murid bawa satu buku latihan.*” (Mr Unknown dalam YouTube, 13 Jun 2014, Durasi: 03:25 - 03:59)⁶⁴

Selaras dengan perubahan zaman, hal ehwal pembelajaran tidak lagi memerlukan teks secara fizikal kerana perisian yang terdapat di dalam alatan teknologi tersebut telah dilengkapi dengan pelbagai jenis sukanan mata pelajaran yang bersesuaian mengikut tahap pendidikan bagi peringkat Sekolah Tadika. Dalam hal ini, Azrien, Arifin, Zalhan & Khazri⁶⁵ menjelaskan guru bukan sahaja berperanan sebagai pembimbing pelajar dalam bidang akademik semata-mata, malah mereka juga berperanan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kesedaran tentang kepelbagaiannya budaya dan mampu berinteraksi dengan masyarakat majmuk.

Kesimpulan

Budaya masyarakat majmuk yang dipaparkan dalam kandungan filem animasi diuraikan dari perspektif nilai Islam dilihat mengandungi empat jenis, iaitu Nilai Asas, Nilai Teras, Nilai Utama dan Nilai Tambahan atau Kembangan. Nilai Asas berdasarkan kepuhan kepada Tuhan yang juga didapati sebagai tangga pertama di dalam isi lafaz rukun negara dan dari sudut ajaran Islam mengandungi rukun iman. Landasan kepada kepercayaan tersebut adalah berpandukan kepada Nilai Teras yang merupakan sumber rujukan seperti al-Quran dan as-Sunnah. Manakala dari sudut perlombagaan, Islam diletakkan sebagai agama rasmi bagi negara Malaysia dan membolehkan agama lain diamalkan secara berakomodasi sebagai masyarakat majmuk. Kualiti akhlak yang terdapat pada ahli masyarakat adalah nilai utama yang perlu diamalkan juga didapati terkandung sebagai lafaz kesopanan dan kesusilaan di dalam rukun negara. Nilai-nilai

⁶² Upin Ipin official, "Upin & Ipin Bahagian 1-3 (Juara Kampung) MUSIM 4," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 24 Jun 2020, ditonton 9 November 2022, https://www.youtube.com/watch?v=DB9_OhKFBTw

⁶³ Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, "Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri", *Jurnal Hadhari Edisi Khas* (2012), 156.

⁶⁴ Mr Unknown, "Upin dan Ipin S08E03 Belajar Sambil Main," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 13 Jun 2014, ditonton 9 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=K-9-jvFoAwI>

⁶⁵ Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Arifin Mamat & Mohamad Zalhan Mohd Sabri, "Understanding Multicultural Education From Islamic Perspective, *Jurnal Usuluddin* 49.2 (2021), 223-241.

lain yang baik dan tidak bercanggah dengan nilai-nilai sebelum ini juga diperbolehkan sebagai suatu amalan bagi masyarakat dan ia dikenali sebagai Nilai Tambahan atau Nilai Kembangan. Tuntasnya, isi kandungan filem animasi Upin dan Ipin memperlihatkan pengamalan bagi keempat-empat nilai yang dinyatakan di atas dari sudut kekeluargaan, komuniti dan institusi semasa. Secara aplikasinya, nilai budaya yang terdapat dalam siri animasi Upin dan Ipin ini memenuhi nilai budaya masyarakat majmuk di Malaysia yang bersifat universal serta sesuai dengan nilai-nilai Islam. Bahkan nilai-nilai budaya tempatan di Malaysia yang dipaparkan memperlihatkan kehidupan masyarakat yang harmoni dan damai turut sesuai diamalkan di peringkat global.

Bibliografi

- Abdul Rahman Abdul Aziz, Rukun Negara dalam Memperkuuhkan Ketahanan Negara. Universiti Utara Malaysia: Seminar on National Resilience, Political Managements and Policies in Malaysia, 2010.
- Abdurrahman bin Muhammad bin Khaldun, Muqaddimah Ibnu Khaldun, Terjemahan: Masturi Irham, Malik Supar dan Abidun Zuhri. Jakarta, Indonesia: Penerbit Pustaka Al-Kautsar, 2011.
- Abu al-Baqir ad-Dusuki, *Panduan Fardhu Ain Lengkap*. Kelantan: Al-Baqir Enterprise, 2009.
- Aimin Amir Abdullah, Tamadun Islam. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 1997.
- Ananto Wibowo, "Upin & Ipin Jambatan Ilmu 2017," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 28 Januari 2017, ditonton 9 November 2022, https://www.youtube.com/watch?v=w9VZ8fP01_U.
- Aria Fadli, Upaya Orang Tua Dalam Melatih Anak Berpuasa Ramadhan Di Desa Nanga Serawai Kecamatan Serawai Kabupaten Sintang. Indonesia: Universitas Muhammadiyah Pontianak, Fakultas Agama Islam, 2014.
- Asma Abdullah, Going Glocal: Cultural Dimensions in Malaysian Management. Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Management, 1996.
- Asming Yalawae, Mustafa 'Afifi Ab. Halim & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, "Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga," *Jurnal Usuluddin* 33, 2011.
- Azirawati Abdul Rahman, Nor Raudah Hj Siren & Yusmini Md Yusoff, "Kaedah Komunikasi Keluarga dalam Surah Ālī'Imrān Ayat 159: Kajian Amalan Mualaf Cina di Selangor," *Jurnal Usuluddin* 49.1 (2021), 27-53.
- Azis Jakfar Soraji et al., *Amalan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2017.
- Clement Videl, What is a Worldview?. Jerman: Vrije Universitei Brussel, ResearchGate, 2015.
- Dja'far Siddik & Ja'far, Jejak langkah Intelektual Islam: Epistemologi, Tokoh dan Karyanya. Medan, Indonesia: Institut Agama Islam Negeri, IAIN Press, 2010.
- fbpauzi, "Upin Ipin 2009 - 05. Kisah Dua Malam FULL," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 17 Disember 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=aXw5UHGig8g>.
- Geert Hofstede, *Cultural Consequences: Comparing Values, Behaviors, Institutions and Organizations Across Nations*, Edisi Kedua. Amerika: Sage Publications Inc, 2001.
- Gerai Mutu Official, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - ESOK PUASA - Musim 01 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 20 Julai 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=GWMMyRli1sss>.
- _____, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - ISTIMEWA HARI IBU - Musim 03 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 19 Julai 2017, ditonton 9 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=DzGE-cFbwKw>.

- _____, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - MALAM SYAHDU - Musim 02 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 20 Julai 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=kghZQYsmiB4>.
- _____, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - RASAI KEMENANGAN - Musim 06 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 19 Julai 2017, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=POgfRpfpdpg>.
- _____, "Upin dan Ipin Terbaru 2017 - ZAKAT FITRAH - Musim 02 FULL HD [PASGOSEGA]," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 20 Julai 2017, ditonton 8 November 2022, https://www.youtube.com/watch?v=PM6gym_qtYA.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?," *Jurnal Syariah* 17.1 (2009), 89-112.
- Intan Shazila Shamsuddin, *Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat di Malaysia*. Melaka: Kolej Komuniti Jasin, kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2016.
- Irsyadul Ibad, Nilai-Nilai Kependidikan Dalam Pengamalan Ibadah Puasa Ramadan: Kajian Al-Qur'an Surat Al-Baqarah Ayat 183-187. Skripsi, Sarjana Pendidikan Islam, Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan, Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Salatiga, 2015.
- Jabatan Agama Islam Selangor, "Khutbah Jumaat 11 Mei 2012: "Mentaati Ibubapa Satu Kewajipan," Laman Sesawang Jais, dimuatnaik 11 Mei 2012, diakses 9 November 2022, [http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat\(Manual\)11052012.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat(Manual)11052012.pdf).
- Jabatan Kajian Ilmiah, Rukun Iman, Terj. Abdul Basit Abdul Rahman. Saudi Arabia: Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Islam Madinah, 2001.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, Dasar Kebudayaan Negara 2021, Laman sesawang motac.gov.my, dikemaskini 2021, dicapai 28 Mac 2022, <https://www.motac.gov.my/muat-turun/category/123-dasar-kebudayaan-negara-2021>, hal 3 dan 9.
- Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, Dasar Kebudayaan Negara 2021, Laman sesawang motac.gov.my, dikemaskini 2021, dicapai 28 Mac 2022, <https://www.motac.gov.my/muat-turun/category/123-dasar-kebudayaan-negara-2021>, hal 3 dan 9.
- Laely Hidayati, Tradisi Takbir Keliling Di Desa Raji Kecamatan Demak Kabupaten Demak Dalam Perspektif Dakwah Islam. Skripsi, Sarjana Sosial Islam, Jurusan Komunikasi dan Penyiaran Islam, Fakultas Dakwah Dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, 2016.
- Les' Copaque Production, "Upin & Ipin - Perangi Rasuah (Episod Penuh)," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 6 Januari 2022, ditonton 9 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=SwVeuFAYfC0>.
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Arifin Mamat & Mohamad Zalhan Mohd Sabri, "Understanding Multicultural Education From Islamic Perspective," *Journal of Usuluddin* 49.2. (2021), 223-241.
- Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Haji Othman, Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Malaysia: International Seminar on Generating Knowledge Through Research, Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengembangan Pengembangan Publikasi Ilmiah (P3I) UMSIDA, Proceeding of ICECRS, 1, 2016.

- Mohd Mizan Mohd Aslam, "Bukti Kesyumulan Islam," Laman sesawang Harian Metro, dikemaskini 2 Jun 2020, dicapai 12 Julai 2020, <https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/584977/amp>.
- Mohd Nashuha Jamidin, Nasir Hasan, Baharudin Yaacob, Hamzah Md. Omar, Wan Kamarudin Wan Hasan, Ahmad Nayan & Ahmad Tarmizi Kamarudin, *Kemahiran Berfikir dan Belajar*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1995.
- Mohd Yusuf Ahmad, *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlal Salleh, Mohammad Zaini Yahaya & Muhammad Adib Samsudin, "5.2.1 Kedudukan dan Implikasi Perkara 3(1) Perlombagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam," *Journal of Contemporary Islamic Law* 4.2 (2019), 34-45.
- Mr Unknown, "Upin dan Ipin S08E03 Belajar Sambil Main," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 13 Jun 2014, ditonton 9 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=K-9-jvFoAwI>.
- Muhammad Hafiz Mansor, *Harmonisasi Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dan Syariah: Ulasan Kes Iki Putra dalam Kesalahan Liwat*. Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS), Perspektif 6, 2021.
- Nik Azis Nik Pa, *Penghayatan Pembangunan Wawasan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, "Unsur Fantasi Sebagai Medium Pengajaran dalam Sastera Kanak-Kanak," *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)* 1.1 (2013), 210-227.
- Noor Aziera Mohamad Rohana, Mohd Faizal P.Rameli, Rawi Nordin & Siti Nurul Izza Hashim, "Kepelbagaian dan Kesepadan Etnik di Malaysia Menurut Islam," *Sains Insani* 2.2 (2017), 88-97.
- Nor Wahida Dzalihu'zzabir, "Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Amalan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik," *Journal of Humanities, Language, Culture and Business* 1.2 (2017), 79-94.
- Rezki Perdani Sawai, Salhah Abdullah, Dini Farhana Baharudin & Noranis Ismail, Penerapan Nilai-Nilai Islam Melalui Penggunaan Media Dalam Pendidikan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Bangi: Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam (MIST2009), pada 21-22 Julai 2009.
- Sarah Dina Mohd Adnan & Mohd Adib Ismail, Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. Johor Bahru: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII 2013, Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju, Anjuran Majlis Profesor Negara, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid 1, 2013.
- Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron & Siti Aisyah Abdul Rahman, Budaya Penyayang dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori dan Praktis. Hotel City Bayview Langkawi: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme, SIVIC, Anjuran Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia, 2004.
- Solahuddin Abdul Hamid, "Islam Dalam Pembentukan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu," *Jurnal Seri Alam* 1.12 (2016), 143-150.
- Suhaizi Suhaimi, *Patriotisme Dalam Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan dalam Majalah Dewan Siswa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. 40, Bil. 8, 2018.
- Syaikh Amin Abdullah asy-Syaqawi, *Berpegang Teguh dengan al-Qur'an dan as-Sunnah*, Terj. Abu Umamah Arif Hidayatullah. Indonesia: IslamHouse.com, 2013.

- The Best Upin & Ipin, "Upin & Ipin | Musim 14 - Lailatul Qadar (Episod Penuh) | Upin Ipin Terbaru 2020, Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 10 Ogos 2020, ditonton 8 November 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=rLefsRdVduk>.
- Upin Ipin official, "Upin & Ipin Bahagian 1-3 (Juara Kampung) MUSIM 4," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 24 Jun 2020, ditonton 9 November 2022, https://www.youtube.com/watch?v=DB9_OhKFBTw.
- UpinIpinTv9Malaysia, "UPIN & IPIN 2011 (Season 5) - Ikhlas Dari Hati (EPISODE 4)," Laman sesawang YouTube, dimuatnaik 17 Ogos 2011, ditonton 9 November 2022, https://www.youtube.com/watch?v=BNy8c6J9T_A.
- V. Vijaya Lakshmi & M. Milcah Paul, "Value Education in Educational Institutions and Role of Teachers in Promoting the Concept," *International Journal of Educational, Science and Research (IJESR)* 8.4 (2018), 29-38.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, "Faktor Persekutaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri," *Jurnal Hadhari Edisi Khas* (2012), 155-172.
- Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhamad & Farahwahida Mohd Yusof, *Tamadun Islam & Tamadun Asia*, Cetakan Keenam. Universiti Teknologi Malaysia, Johor: Penerbit UTM Press, 2011.

